



UNTUK SIARAN SEGERA

AirAsia X mempersembahkan **Comic Fiesta 2016**

- *Peluang untuk memenangi penerbangan percuma ke Jepun dengan mengambil gambar dan hashtag #AirAsiaXComicFiesta*
- *Sertai cabaran Cosplay Invitational and Malaysia Comicker's Challenge tajaan AirAsia X untuk pengalaman cosplay dan komik yang terbaik.*

SEPANG, 14 December 2016 – AirAsia X merupakan penaja utama bagi konvensyen tahunan terbesar yang paling dinanti-nantikan dikalangan artis komik, ilustrator, cosplayers dan para peminat animasi, komik dan permainan di Malaysia. The Comic Fiesta 2016 akan diadakan pada hujung minggu ini (17 & 18 Dis) di Putra World Trade Centre.

Para tetamu berpeluang memenangi tiket penerbangan percuma ke Jepun tajaan AirAsia X dengan hanya mengambil gambar di gerai foto AirAsia X dan muat naik gambar tersebut di laman social (Instagram, Twitter atau Facebook) dengan hashtag #AirAsiaXComicFiesta. Lima pemenang bertuah akan dipilih dan akan dimaklumkan melalui email.

Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia X Berhad, Benyamin Ismail berkata, "kami menerima pelbagai maklum balas positif dari penglibatan kami pada tahun lepas sebagai penaja hadiah. Tahun ini, kami amat teruja untuk kembali sebagai penaja utama dan kami tidak sabar untuk menerima kehadiran cosplayers, para peminat komik dan animasi untuk turut serta dalam usaha seni kreatif ini."

Antara tarikan bagi para tetamu ialah cabaran Cosplay Invitational and Malaysia Comicker's Challenge, dimana setiap peserta boleh mendaftar dan menampilkan kemahiran cosplay mereka dan memperagakan watak kegemaran masing-masing. Pemenang bagi setiap kategori akan diumumkan pada 18 Disember 2016 di Comic Fiesta 2016 dan pemenang bakal memenangi tiket penerbangan pergi-balik sumbangan AirAsia X dari Kuala Lumpur ke Taipei dan juga Kuala Lumpur ke Tokyo.

Comic Fiesta merupakan konvensyen animasi, komik dan permainan (ACG) terbesar di Malaysia. Berpuluh ribu artis komik, ilustrator, cosplayers dan para peminat akan berkumpul setiap tahun pada bulan Disember untuk meningkatkan kesedaran dan menyebarkan informasi serta melanjutkan industri kreatif di rantau ini. Acara ini meningkatkan lagi piawai pasaran seni kreatif dengan mengadakan pasaran seni kreatif amatir terbesar di Malaysia dengan lebih 100 gerai seni visual, ilustrasi, komik diterbitkan sendiri, buku seni, poster serta barang-barangan.

Presiden Jawatankuasa Penganjur Comic Fiesta, Lim Chin Hwa berkata "kami amat berbangga untuk berkerjasama dengan AirAsia X pada tahun ini sebagai penaja utama untuk mengadakan acara Comic Fiesta yang terbaik! Sebagai satu-satunya acara cosplay, animasi, komik dan permainan yang

Siaran Akhbar



terbesar di Asia Tenggara, kerjasama kami dengan AirAsia X membolehkan kami untuk mengadakan pelbagai aktiviti yang baru dan menarik di Comic Fiesta 2016.”

Tahun lalu, AirAsia X telah berperanan sebagai penaja hadiah untuk Comic Fiesta 2015 yang telah diadakan di The Mines Convention Centre dimana seramai 45,000 tetamu telah hadir ke acara ini. AirAsia X telah memberi penerbangan percuma kepada setiap pemenang mengikut kategori tertentu untuk pengalaman cosplay dan comic di Tokyo dan Taipei. Pemenang yang mendapat penerbangan percuma ke Jepun juga diberi peluang untuk menemui beberapa artis komik dan syarikat penerbitan terkenal.

Untuk mengetahui lebih lanjut ikuti aktiviti dan promosi terkini AirAsia melalui Twitter (twitter.com/AirAsia) dan Facebook (facebook.com/AirAsia).

TAMAT

Mengenai Kumpulan AirAsia X

AirAsia X adalah syarikat penerbangan tambang rendah jarak jauh bagi Kumpulan AirAsia yang kini terbang ke 23 destinasi di seluruh Asia (Tokyo, Osaka, Sapporo, Seoul, Busan, Taipei, Xian, Beijing, Hangzhou, Chengdu, Shanghai, Chongqing, New Delhi, Kathmandu), Australia (Sydney, Melbourne, Perth dan Gold Coast), New Zealand (Auckland) dan di Timur tengah (Jeddah, Tehran dan Muscat) dan Afrika (Mauritius). AirAsia X beroperasi dengan 30 pesawat A330-300s, setiap satu dengan konfigurasi 12 Premium Flatbeds dan 365 tempat duduk ekonomi. Kumpulan ini telah membawa lebih 19 juta tetamu sejak penubuhan servis jarak jauh yang telah dimulakan pada tahun 2007. AirAsia X telah diiktiraf dengan anugerah "Kabin Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" dan "Tempat Duduk Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" di acara tahunan Anugerah Dunia Penerbangan Skytrax bagi empat tahun berturut-turut dari tahun 2013 – 2016. Kumpulan AirAsia adalah syarikat penerbangan pertama di dunia yang berkerjasama bersama INTERPOL bagi mengimplementasikan sistem I-Checkit bagi mengimbas passport kesemua penumpang dengan informasi yang terdapat dalam pangkalan data Stolen and Lost Travel Documents (SLTD) badan polis dunia tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Qastury Jawawi

Communications

Mobile: +6019 609 8893

qasturyjawawi@airasia.com